

# Hanya PBB mampu kekalkan keamanan — PM

2/06/04 UM MJD

**K**UALA LUMPUR 1 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tidak ada mana-mana negara walau sekuat mana sekali pun mampu memainkan peranan unik untuk mengembalikan keamanan dunia melainkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Tegas Perdana Menteri, PBB mampu memainkan peranan lebih berkesan dan adil termasuk dalam menyelesaikan konflik Palestin-Israel sekiranya masyarakat antarabangsa memberikan sokongan penuh kepada pertubuhan itu.

“Semua kaedah utama yang kita gunakan selama ini gagal.

“Mereka akan terus gagal, kecuali kita bertindak tegas dan tidak berat sebelah melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu,” katanya ketika menyampaikan ucapan

pada Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik ke-18 di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, hanya PBB mempunyai kuasa yang sah selaras dengan Artikel 39 Piagamnya iaitu bagi “menentukan kewujudan serangan ancaman terhadap keamanan, pencabulan kedamaian atau tindakan keganasan.”

Katanya, hanya PBB berkuasa ‘memutuskan apa tindakan patut diambil... memelihara atau mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa’.

“Tidak ada satu negara atau pakatan negara-negara mempunyai kuasa ini,” katanya.

Beliau berkata, manamana negara yang bertindak secara sendirian yang sepatutnya menjadi tanggungjawab PBB, akan hilang simpati dan sokongan majoriti masyarakat antarabangsa.

Bagi kuasa besar dunia terutamanya yang terlalu mempunyai kuasa, kata Abullah, krisis yang berlaku seperti ini adalah juga kesempatan untuk menunjukkan keupayaan masing-masing.

Sambil memetik pepatah Cina, beliau berkata: “Krisis mencabar kita untuk melakukan yang luar biasa dan mencetus kejayaan cemerlang. Krisis mencabar individu berurusan dengan kepimpinan luar biasa.”

Oleh itu, beliau berharap, dunia berani mengambil sikap menentang keganasan dan menyelesaikan konflik Palestin-Israel.

“Jika kita mampu melakukan usaha ini dengan berjaya, kita akhirnya mampu membawa keamanan dan kestabilan di Asia Barat,” ujarnya.

Dalam pada itu, Abullah berkata, krisis di Iraq juga menjadi contoh beta-

pa pentingnya peranan PBB bagi mengelakkan konflik berlarutan selepas diceroboh kuasa besar.

“Sebelum ini, tidak ada rangkaian Al-Qaeda di negara itu. Kini jumlah mereka ramai dan kita akhirnya berjaya menjadikan tuduhan (kewujudan Al-Qaeda) sebagai satu kenyataan,” ujarnya.

Jelasnya, semua negara patut sama-sama berusaha memperbaiki kelemahan dan memperkukuh kekuatan PBB dengan tidak meringirkan peranannya dalam arus perdana global.

“Kita harus berhenti mencerca dan melemahkan (PBB), kerana jika ia gagal, ia lebih disebabkan oleh komplot yang dilakukan oleh sesetengah anggota dan bukannya sebarang kecacatan dalam selok beloknya yang kompleks,” tegas Perdana Menteri.

Beliau turut berharap masyarakat antarabangsa menyambut baik usaha Amerika Syarikat (AS) yang meminta persetujuan PBB berhubung pelan politik di Iraq yang dilihat sebagai menghormati semula PBB dan piagamnya.

“Kedaulatan Iraq perlu diserahkan sepenuhnya kepada rakyatnya, mereka sepatutnya diberi kuasa penuh terhadap semua perkara berkaitan politik, ekonomi dan keselamatan,” ujarnya.

Oleh itu, katanya, tentera asing yang kini beroperasi di negara itu perlu menjadi sebahagian daripada pasukan antarabangsa yang diberi mandat oleh PBB atas permintaan kerajaan baru Iraq.

Abdullah juga berkata, AS serta sekutu utamanya perlu segera menyelesaikan dua isu penting iaitu konflik Palestin-Israel dan isu Iraq.